

Ucapan: ADHO  
4/9  
88/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn  
di-Istiadat Penyampaian Sijil2 Politeknik Ungku  
Omar, Ipoh pada 18.9.71 pukul 9.30 pagi

Hari ini ada-lah suatu hari yang penting dan bersejarah bagi Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Ini-lah kumpulan pertama siswazah2 yang boleh di-anggap sebagai pelupor yang lulus selepas belajar dengan bersungguh2 selama dua tahun. Kepada siswazah2 yang gembira ini saya ingin mengatakan bahawa kita semua berbangga atas kejayaan mereka dan menguchapkan semoga mereka menchapai segala kejayaan dan kegembiraan dalam semua usaha mereka pada masa yang akan datang.

Malaysia sekarang ini sedang melancharkan Rancangan Malaysia Kedua dan menitek-beratkan kemajuan Perusahaan dan Teknologi. Oleh itu istiadat menyampaikan ijazah ini ada-lah merupakan satu upacara yang sungguh penting.

Politeknik Ungku Omar telah di-tubuhkan dengan bantuan Rancangan Pembangunan Bangsa2 Bersatu dan ajensi khas-nya UNESCO dengan mengadakan pakar2, kelengkapan, buku2 dan fellowship. Sukarela2 dari beberapa negara telah membantu dalam mengatasi kekurangan kakitangan. Saya menguchapkan terima kaseh kepada mereka semua yang telah memberi sumbangan dalam bentuk apa jua pun untuk menjayakan penubohan yayasan ini.

Jabatan Kerjaraya telah memainkan peranan utama dalam merancang dan membentok perojek yang besar ini dengan secepat mungkin. Walaupun terdapat beberapa kesulitan yang tidak dapat di-elakkan saya menguchapkan tahniah kepada Jabatan Kerjaraya atas kerja chemerlang yang telah mereka lakukan. Saya mempunyai keyakinan penuh atas kerjasama mereka yang terus-menerus dalam menyiapkan seluroh komplek ini.

Yayasan2 saperti Politeknik Ungku Omar ini menghadapi masaalah kekurangan kakitangan. Ini bukan sahaja berlaku di-negara ini tetapi di-hadapi juga oleh yayasan2 saperti itu di-negara2 lain. Yang sebaik2-nya pensharah2 hendak-lah berkelayakan bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga hendak-lah mempunyai pengalaman perusahaan yang luas. Akan tetapi ini hanya merupakan satu mimpi sahaja oleh kerana perkara ini tidak mungkin di-chapai dalam masa beberapa tahun lagi.

Untuk mengatasi masaalah2 saperti itu, Kementerian Pelajaran telah memulakan satu rancangan Latehan bagi kaki-tangan2 teknik semenjak tahun 1957 lagi. Biasiswa2 di-berikan kepada pelajar2 yang baik untuk memperolehi kelayakan2 yang perlu untuk berkhidmat sebagai Pensharah2 Teknik di-Politeknik ini dan Maktab Teknik di-Kuala Lumpur. Akan tetapi dukachita saya menyatakan bahawa rancangan latehan ini belum lagi menchapai hasil2 yang kita harapkan.

Ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana hampir2 50% dari jumlah siswa2 yang lulus tidak menepati perjanjian mereka untuk berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran. Ini ada-lah satu perkara yang sungguh menyedihkan.

Pelajar2 yang mendapat keistimewaan dan di-beri permulaan yang baik dalam kehidupan dengan menerima biasiswa2 telah memungkiri janji mereka dengan Kementerian Pelajaran ketika perkhidmatan mereka sangat2 di-perlukan. Saya sedar bahawa mereka telah membayar sedikit denda kerana memungkiri perjanjian mereka, tetapi boleh-kah mereka berkata dengan jujur bahawa mereka telah menjalankan segala kewajipan mereka kepada rakyat yang telah memberi permulaan dalam hidup mereka?

Saya harap mereka akan memikirkan tentang kerosakan yang telah mereka lakukan kepada Rancangan Kementerian untuk melatih kakitangan2 teknik. Rancangan2 yang telah di-susun dengan teliti dalam empat atau lima tahun yang lepas terpaksa di-mulakan keseluruhannya sekali lagi.


Akan tetapi saya sungguh sukachita kerana Politeknik ini telah mendapat kerjasama penuh dari orang ramai dan pehak2 swasta dalam usaha2-nya memberikan latihan kepada pelajar2. Dalam tahun 1971, sebanyak 156 pertubuhan telah mengertai dan memberikan latihan pekerjaan kepada 400 pelajar. Kerjasama ini ada-lah perlu oleh kerana sesuatu rancangan latihan teknik bergantung sebahagian besarnya atas penyertaan pehak perusahaan yang chergas. Apabila pehak perusahaan turut serta dan bekerjasama sepenoh-nya dengan sa-sabua yayasan latihan, maka sudah tentu-lah rancangan itu akan dapat memenuhi keperluan2 perusahaan. Ini sebalik-nya pula akan menjamin peluang2 pekerjaan yang sesuai kepada para pelatoh.

Kapada majikan2 dan bakal2 majikan yang akan mengambil bekerja siswazah2 Politeknik ini dan sangat sedikit mengetahui apa yang sedang berlaku di-yayasan ini, saya ingin menasihatkan mereka supaya melapangkan masa dan membuat lawatan singkat ka-Politeknik ini. Ini akan menunjukkan kepada tuan2 sakalian apa kemudahan2 fizikal yang ada di-sini untuk melatih pelajar2 dan juga memberi peluang kepada tuan2 untuk membincangkan kehendak tuan2 dengan Pengetua dan kakitangan-nya.

Kerajaan telah dan akan terus membelanjakan wang yang banyak ka-atas latihan teknik untuk mengeluarkan kakitangan2 yang di-kehendaki oleh perusahaan. Terpulang-lah kepada majikan untuk menggunakan peluang ini sepenoh-nya untuk mendapatkan kakitangan terlatah, baik di-peringkat juruteknik atau pun tukang2 yang mahir.

Pada **pagi** ini juga saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kaseh kepada ahli2 Jawatankuasa Penasihat Politeknik ini kerana khidmat mereka yang chemerlang lagi berguna kepada Kementerian Pelajaran.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada siswazah2 dan mengingatkan mereka bahawa negara ini memerlukan perkhidmatan mereka. Saya harap kamu semua akan memainkan peranan kamu dalam menegakkan perinsip2 dan nilai2 yayasan ini dan memainkan peranan kamu dalam menjayakan rancangan2 Kerajaan.



No. Siri	69
No. Penerimaan	69/80